



Ruj. Kami : JPPKK.BAPP.600-3/1/1 (5)
Tarikh : 29 Januari 2024

**Pengarah Politeknik
Pengarah Kolej Komuniti**

YBrs. Ts./Dr./Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR DI POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI DALAM SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA
(PADU)**

Dengan hormatnya perkara di atas serta surat JP/PADU/100-14/1/1 (95) bertarikh 11 Januari 2024 adalah dirujuk bersama.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) ingin memanjangkan **Hebahan Pengemaskinian Maklumat Peribadi Pelajar Di Politeknik dan Kolej Komuniti Dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU)**. Seperti yang YBrs. Ts. / Dr. / tuan / puan sedia maklum, Sistem (PADU) telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Januari 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). PADU merupakan sistem yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas di Malaysia. Maklumat profil ini akan dikemas kini secara berkala melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber. Melalui ekosistem ini, pelajar boleh membuat semakan dan pengemaskinian maklumat secara terus dalam sistem PADU.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama dari YBrs. Ts./Dr./tuan/puan adalah dimohon untuk memanjangkan hebahan ini di institusi menerusi semua saluran komunikasi sedia ada. Pengemaskinian maklumat dan data dalam sistem PADU boleh dilakukan di pautan <http://padu.gov.my> dalam tempoh **2 Januari 2024 hingga 31 Mac 2024**.

Perhatian dan kerjasama daripada YBrs.Ts./Dr./tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ AZIRIN BIN ABDUL AZIZ)

Pengarah

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti